



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

MANFAAT UNTUK B40 MENERUSI MALAYSIA SOCIAL INNOVATION (MySI)

21 FEBRUARI 2020, PUTRAJAYA - Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah membuka tawaran dana Program *Malaysia Social Innovation* (MySI) 2020 bermula dari 20 Februari 2020 sehingga 20 Mac 2020. Tawaran dana ini terbuka kepada semua Agensi Kerajaan Persekutuan/ Negeri, Badan Berkanun, Universiti Awam, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Berhad dengan Jaminan (CLG).

Dana ini sebelumnya dikenali sebagai Program MOSTI *Social Innovation* (MSI) sejak 2016 dan dijenamakan semula kepada *Malaysia Social Innovation* (MySI) pada tahun 2019. Dana dan program ini bertujuan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat dengan keutamaan kepada golongan B40 melalui pelaksanaan projek aplikasi teknologi R&D tempatan berinovatif yang telah dibangunkan dan sedia dilaksanakan secara mampan. Sehingga akhir 2019, sebanyak 133 projek telah dibiayai dengan lebih kurang 47,400 penerima manfaat sama ada secara langsung dan tidak langsung.

Secara terperinci, pada tahun 2020, terdapat lima (5) bidang keutamaan bagi pelaksanaan projek MySI iaitu Ekonomi (Pertanian, Perikanan dan Penternakan), Teknologi Hijau, Mesra Alam, Kesihatan dan Keselamatan. Permohonan pada tahun ini boleh dilakukan secara atas talian menerusi sistem e-MySI yang boleh dicapai

melalui alamat <http://www.mestecc.gov.my/emysi>. Maklumat lanjut berkaitan dengan Program MySI 2020 juga boleh diperolehi menerusi alamat yang sama.

Semasa Ucapan Perasmian Program *Townhall* Bagi Penawaran Dana Di Bawah Program MySI Tahun 2020 yang berlangsung di pejabat MIGHT Cyberjaya pada 20 Februari 2020, YB Isnaraisah Munirah Majilis, Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) berkata:

“Program MySI merupakan salah satu cabang inovasi yang boleh memberi kesan secara langsung dan dirasai oleh rakyat terutamanya golongan B40. Selain itu, program ini mampu memberi manfaat kepada masyarakat dalam meningkatkan keupayaan individu dalam mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan menerusi aplikasi teknologi tempatan. Saya ingin menyeru kepada pemilik-pemilik teknologi tempatan untuk menggunakan peluang ini dalam menterjemahkan inovasi masing-masing kepada peningkatan pendapatan, produktiviti dan kesejahteraan komuniti, seterusnya sama-sama memberi sumbangan dalam mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama, seterusnya *Sustainable Development Goals* (SDGs)”.

----- **TAMAT** -----

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat, MESTECC

Emel: suffian@mestecc.gov.my

No. Tel: 03- 8885 8813

Bahagian Pengkomersilan, MESTECC

E-mel: ramlee@mestecc.gov.my

No. Tel: 03- 8885 8884

Dikeluarkan pada 21 Februari 2020, pukul 9.00 pagi

PAUTAN VIDEO PROJEK-PROJEK MySI YANG BERJAYA UNTUK RUJUKAN PIHAK MEDIA

1. Projek oleh MTDC, MSI 16043 - Projek bekalan air bersih untuk komuniti Kg Rumindako Kiulu, Tamparuli, Sabah dengan menggunakan teknologi membran portable drinking water filtration system (Pahlawan Tuah2000) - Hasil R&D oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM):
<https://drive.google.com/open?id=1d2mLBovlcCcWMWjAq-BUeutMazCRPyxQ>
2. Projek oleh MTDC, MSI 16035 - Program Kesedaran Keusahawanan dan Ekonomi Pertanian Untuk Membantu Mahasiswa Universiti Utara Malaysia Melalui Projek Tanaman Cendawan Kukur – Hasil R&D Oleh MARDI:
<https://drive.google.com/open?id=1Qq8cR-wdVx-NRXGFhm0GN29eZXwltv1O>
3. Projek oleh Bioeconomy, MSI 16030 - Program Pembangunan Bioekonomi Komuniti (BCDP) - Projek Akuakultur Rumpai Laut:
<https://drive.google.com/open?id=1Afd3-DdcSThrvmu9FjVZ2ljQQMji3Fz6>
4. Projek oleh Bioeconomy, MSI 16031 - Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP) - Projek Penanaman Cendawan Tiram Secara Komersil di Nilai, Negeri Sembilan:
<https://drive.google.com/open?id=1ajpbVGo4MiQp5I1AUboRKzY--NFtjxsp>
5. Projek oleh Bioeconomy, MSI 16032 - Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP) Projek Penanaman Herba Kacip Fatimah:
https://drive.google.com/open?id=1HCGSIW5azsVXR3XK_IdAscl3VTBS2iKv
6. Projek oleh ANM, MSI 16007 - Kemudahan berteknologi rumah pengeluaran benih cendawan Volvariella (High-Tech Facilities for Production House of Volvariella Mushroom Spawn):
https://drive.google.com/open?id=1z_gN8kA76faDXkw0qMddz-hj_VEs_ei8